

## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT UTeM**

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

**جامعة ملaka التقنية**

---

*22 Ogos 2022, Dataran Canselori UTeM, 8.30 Pagi*

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**


Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti,

Dan seterusnya ahli keluarga UTeM yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat illahi kerana dengan keizinanNya, dapat kita berhimpun bersama-sama pada pagi yang indah ini bagi menjayakan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2022 peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Saya berasa sangat gembira melihat kehadiran ahli keluarga UTeM sekalian yang sentiasa prihatin dalam memartabatkan kemerdekaan negara kita yang kini berusia 65 tahun. Sememangnya kita sebagai rakyat di negara ini sangat


bertuah kerana terus dikurniakan suasana kehidupan yang aman, harmoni dan sejahtera.

- 
- اونیورسیتی تکنیkal ملیسیا ملاکا
- UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
3. Walaupun program pada pagi ini diadakan secara ringkas, namun saya amat yakin semangat patriotisma dan cintakan negara sentiasa terpahat di dalam hati sanubari kita sepanjang masa.
  4. Saya amat mengharapkan agar kita semua warga UTeM akan lebih memahami dan menghayati erti kemerdekaan serta mendalami maksud tema kemerdekaan pada kali ke-65 ini

iaitu **Keluarga Malaysia Teguh Bersama**. Untuk makluman bersama, tema ini dipilih selaras dengan konsep keharmonian keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa.

5. Tema ini adalah sangat bersesuaian dengan konsep kesepaduan yang cuba saya sematkan di kalangan ahli keluarga UTeM. Dalam memastikan UTeM berada di persada antarabangsa, kita semua perlu bersatu padu dan bersama-

sama menggembeng tenaga. Sekiranya kita hanya memberi keutamaan pada kepentingan diri, maka tiada apa yang akan dapat dicapai oleh UTeM. Bak kata pepatah, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

- 
6. Sematkanlah kata-kata dari Ryunosuke Sataro: *Individually we are one drop. Together we are an ocean.* Kita boleh mencapai lebih sekiranya kita bersatu padu dan bekerjasama.
  
  7. Diharapkan kita semua dapat memainkan peranan dan tanggungjawab kewarganegaraan atau *citizenship* dalam

konteks Malaysia dan UTeM, agar hasrat kerajaan menerusi tema kemerdekaan pada kali ini dapat dimaknakan dalam erti kata yang sebenar.

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan ke 65 kepada semua. Semoga semangat patriotisme dan cintakan negara terus subur dalam diri setiap kita untuk negara Malaysia yang dicintai.

9. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahhi Rahmannir Rahim, saya dengan ini melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2022 peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

